

# Pusat Kerjaya UMS adakan lawatan penanda aras

N&T 31.8.2018 7

KOTA KINABALU: Pusat Kerjaya Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan penanda aras selama tiga hari ke beberapa universiti dan agensi kerajaan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Rombongan yang diketuai pengaruhnya, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng tersebut telah melawat Pusat Kerjaya dan Kaunseling di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Career Services Centre di Taylor's University, Kuala Lumpur serta Unit Pengurusan Data di Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pusat Pembangunan Karier di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Menurut Dr. Lai, lima pegawai Pusat Kerjaya UMS, iaitu Penolong Pendaftar Kanan, Abdul Haidy Abdul Hamid, Pegawai Psikologi, Nurul Fatiha Firdaus Roslan, Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Ag. Nasip Yunos, Penolong Pegawai Tadbir, Alexander Saidi, dan Pembantu Tadbir, Wenley Joy turut serta dalam lawatan tersebut sebagai tujuan pendedahan kepada urus tadbir dan fungsi bagi setiap agensi yang dilawati.

"Lawatan ini merupakan satu asas pendedahan ilmu pengetahuan kepada semua staf Pusat Kerjaya untuk diaplikasikan dalam melancarkan urus tadbir pusat ini agar lebih sistematik, cekap dan berkualiti.

"Selain itu, Pusat Kerjaya UMS juga berpeluang membina jaringan dan perpindahan pengetahuan, kepakaran serta amalan terbaik setiap pusat kerjaya yang dilawati merangkumi tujuhan utamanya iaitu pen-



gurusan kebolehpasaran graduan, latihan kerjaya dan modal insan, aktiviti keusahawanan dan industri," tambah beliau.

Sementara itu, Pegawai Psikologi UMS, Nurul Fatiha Firdaus memaklumkan lawatan penanda aras itu adalah tindakan awal persediaan pengajuran Bengkel Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pusat Kerjaya yang dijadualkan dilaksanakan pada akhir bulan Ogos 2018 untuk memantapkan lagi peranan dan fungsi pusat kerjaya selari dengan objektif dan fungsi penubuhannya.

"Lawatan sebegini amat bertepatan memandangkan

Pusat Kerjaya UMS yang baru diwujudkan pada tahun ini dan memainkan peranan penting dalam menyalurkan pelbagai maklumat berguna berkaitan pembangunan dan peluang kerjaya khususnya kepada para graduan dan bakal graduan UMS," jelas beliau.

Justeru, Nurul Fatiha turut mengajak warga UMS terutama siswa-siswi dan alumni UMS untuk mengunjungi laman facebook rasmi Pusat Kerjaya UMS bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan peluang-peluang kerjaya yang sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa.

**KENANGAN...**  
Dr Lai (empat dari kanan) dan pegawai-pegawai UMS bergambar kenangan bersama kakitangan dari UiTM Shah Alam.